Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai**.

1. Sudah tiga kali sekolah saya _____ pertandingan bahas pada peringkat daerah.
   A memperoleh C menakluki
   B menggondol D memenangi

2. Bola yang disepak oleh adik Aqmal _____ lalu terjatuh ke dalam kolam.
   A berpusing C bergolek
   B berjalan D berlegar

3. Nisha sering _____ untuk mengacara majlis rasmi dan majlis makan malam syarikat-syarikat korporat.
   A diundang C dibuat
   B dicapai D dipamer

4. Abang Iqram suka membaca majalah yang _____ dengan bidang sains dan teknologi.
   A bertalian C bersambung
   B berkaitan D bercampur

5. Dalam sidang media itu, Pengarah Pendidikan negeri Pahang telah _____ keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bagi tahun ini.
   A menghebohkan C menjelaskan
   B mengumumkan D menerangkan

6. Amirul memandu kereta ke rumah Alif di Gombak _____ alamat yang diberikan oleh kawannya itu.
   A berteraskan C berasaskan
   B berpandukan D bersandarkan

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

Praktis PT3 **Bahagian B**

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

1. "Kamu perlu cari jalan untuk mengatasi masalah ini," kata ayah kepada abang.

   _____

2. Puan Lim membawa ibunya bersiar-siar di taman untuk tenangkan hati ibunya itu.

   _____

3. Ayah dan ibu sering menasihatkan Aqmal supaya belajar dengan bersungguh-sungguh.

   _____

4. Nasi lemak yang dijerang oleh ibu tadi belum masak lagi.

   _____

5. Sekembalinya dari kebun, Pak Cik Senan berehat di ruang tamu sambil memanjangkan kakinya.

   _____

6. Pokok tembikai susu yang ditanam oleh ayah menyusur ke luar pagar.

   _____

LIVEWORKSHEETS